

Malaysia mahu D8 tingkat kerjasama

BH - 13/5/2006

Penubuhan sekretariat tetap perlu diberi perhatian



BALI: Malaysia mahu Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8), meningkatkan kerjasama untuk memastikan setiap ahlinya dapat melaksanakan peranan yang lebih berkesan ke arah merealisasikan matlamat penubuhannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata D8 akan terus relevan jika setiap negara anggotanya dapat bekerjasama untuk mengatasi apa saja masalah yang dihadapi kumpulan itu sejak hampir 10 tahun penubuhannya.


Sehubungan itu, katanya, cadangan menubuhkan sekretariat tetap yang dipersetujui dalam mesyuarat peringkat menteri luar D8 kelmarin, wajar diberi perhatian serius dalam memantapkan kerjasama antara anggotanya.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), berkata antara masalah yang dihadapi D8 ialah kewujudannya tidak mendapat persetujuan kebanyakan negara OIC yang menganggap mereka lebih mampu dan layak menganggotainya.

"Pendirian Malaysia dalam D8 adalah jelas iaitu kita mahu melihat ia berjaya dan mahu mengetahui tindakan serta rancangan yang akan diambil dalam Sidang Kemuncak kali ini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar. Terdahulu, Abdullah mengadakan pertemuan empat mata dengan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono dan Perdana Menteri Pakistan, Shaukat Aziz.

D8 ditubuhkan secara rasmi di Istanbul, Turki pada 15 Jun 1997 dengan dianggotai lapan negara iaitu Malaysia, Turki, Iran, Indonesia, Ni-



ERAT PERHUBUNGAN: Abdullah bersalaman dengan Susilo pada pertemuan sempena Sidang Kemuncak Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8) di Bali, semalam.

geria, Bangladesh, Mesir dan Pakistan yang juga anggota OIC.

Antara matlamat penubuhannya ialah bagi meningkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi negara anggota. Jumlah dagangan Malaysia dengan D8 berjumlah RM41 bilion yang lebih 70 peratus daripadanya membabitkan Indonesia.

Abdullah berkata, Kuala Lumpur sentiasa bersikap terbuka untuk menerima pandangan serta pendapat negara anggota D8 lain terhadap keperluan serta perubahan yang wajar dilaksanakan kumpulan itu.

"Dalam hal ini, kita mempunyai pendirian terbuka... jika ia membawa kebaikan kepada kita bersama, maka kita akan menerimanya dan jika ada masalah kita bersama perlu mengatasinya," katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Susilo, Abdullah berkata, beberapa perkara dibincangkan dan ia akan disentuh pada sidang kemuncak kali ini dalam usaha memberikan manfaat kepada negara anggota.

"Saya dan Susilo mahu melihat D8 dapat memainkan fungsinya dengan berkesan dan semua projek yang di-

rancang sebelum ini berjaya terutama dalam pembangunan keupayaan negara anggota," katanya.

Perdana Menteri berkata, perbincangannya dengan Shaukat pula menjurus kepada usaha untuk mendapatkan pembiayaan bagi melaksanakan pelbagai projek di kalangan negara anggota khususnya melalui Bank Pembangunan Islam (IDB).

"Yang penting daripada pembiayaan itu bukan setakat untuk negara anggota sekadar menerima bantuan tetapi melaksanakan projek mengikut kaedah perniagaan," katanya.